

PERANAKAN-PERANAKAN
YANG
CEMERLANG

LIMA PULUH KEHIDUPAN TERUNGGUL

Peranakan-peranakan yang Cemerlang Lima Puluh Kehidupan Terunggul

Kisah Singapura adalah kisah pelbagai pertemuan di antara pedagang, pengembara, dan imigran, antara empayar-empayar dan masyarakat-masyarakat dan juga antara budaya. Buat berabad lamanya, orang-orang Peranakan – atau Cina Selat – memainkan peranan penting dalam kehidupan di Singapura dan kawasan sekelilingnya.

Orang-orang Peranakan adalah perintis dalam melintasi sempadan dan menjalin pelbagai perikatan. Mereka melafazkan kesetiaan kepada kedua-dua Britain dan China dan juga kepada masyarakat kukuh yang telah mereka tubuhkan di Singapura.

Di kalangan masyarakat Cina, orang-orang Peranakan merupakan perintis dalam bidang perniagaan dan permerintahan. Mereka juga mengetuai bidang-bidang sosial seperti pendidikan, kesihatan, agama dan budaya. Orang-orang Peranakan memainkan banyak peranan penting dalam masa yang sama. Mereka petah bertutur bahasa Inggeris (dan kemudiannya dididik dalam bahasa Inggeris) dan boleh bertindak sebagai orang tengah dalam masyarakat kolonial. Dan luar jauh dari Singapura, rangkaian-rangkaian mereka menjangkau sepanjang Asia Tenggara dan selanjutnya.

Ini adalah kisah-kisah lima puluh orang-orang Peranakan yang cemerlang.

Sebuah budaya perantaraan

Dari awal pemerintahan mereka di Singapura, pihak British berpendapat bahawa mereka memerlukan pemimpin-pemimpin Cina untuk mengawal para pedagang dan pemburuh. Pada abad ke-19, kekayaan dan peranan orang-orang Peranakan sebagai ketua-ketua kuil and persatuan- persatuan yang penting telah membolehkan mereka sering menjadi pemimpin masyarakat Cina Singapura. Mereka telah berjuang untuk hak orang Cina sambil melindungi kepentingan perniagaan mereka.

Perkataan Melayu *peranakan* selalunya merujuk kepada orang Cina berbahasa kreol yang tinggal di Asia Tenggara. Orang-orang Peranakan secara umumnya menjejak salasilah mereka kepada pendatang awal dari Cina yang berkahwin dengan wanita-wanita asli dari Kepulauan Melayu. *Baba* istilah untuk kaum Peranakan lelaki dan *nyonya* untuk kaum wanitanya. Pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20, gelaran *Cina Selat* lazimnya digunakan untuk orang-orang Peranakan dan Cina yang telah tinggal di kawasan itu untuk bergenerasi lamanya. Istilah tersebut menghubungkan masyarakat ini kepada koloni negeri-negeri Selat yang merangkumi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Pada abad ke-20, ramai orang-orang Peranakan hilang kefasihan dalam bahasa Cina namun mereka tetap menyokong sekolah-sekolah dan akhbar-akhbar Cina. Ada yang memeluk agama Kristian sementara yang lain seperti Lim Boon Keng menemui kembali Konfusianisme. Kepelbagaian ini selalunya ditolak sebagai percanggahan dan pertentangan, tetapi kombinasi ini telah dianggap kebiasaan dalam dunia moden kini. Orang-orang Peranakan telah memainkan peranan-peranan penting di seluruh spektrum politik dalam pembagunan Singapura.

1819 hingga 1889: Perdagangan dan kemasyarakatan

Peranakan Cina tiba di Singapura sebaik sahaja pihak British menubuhkan pelabuhan pada tahun 1819. Ia diikuti terus dengan gelombang penghijrahan. Pedagang Cina yang terkaya dan yang paling berkuasa adalah orang-orang Peranakan dari Melaka yang berbahasa Hokkien. Pada asalnya, keluarga-keluarga tertentu telah menjadi pemimpin masyarakat melalui pendermawaan wang, sebuah fakta yang diiktiraf oleh pihak British.

Ketegangan antara masyarakat Hokkien dan Teochew telah mengakibatkan rusuhan pada tahun 1854. Pemerintah British telah bergantung pada para pemimpin Peranakan untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian ini. Kegiatan-kegiatan ini mendorong pihak British untuk melantik orang-orang Cina ke Majlis Perundangan Negara-negara Selat untuk membantu memerintah koloni.

Orang-orang Peranakan pada mulanya berkerja untuk syarikat-syarikat perdagangan British sebagai pengantara oleh kerana kebolehan mereka bertutur dalam dialek Cina, bahasa Melayu dan juga Inggeris. Mereka kemudian menubuhkan syarikat mereka tersendiri bagi membekal pekerja Cina, menanam pokok gambir dan komoditi-komoditi yang lain, dan juga menjalankan syarikat-syarikat perkapalan. Beberapa orang Peranakan yang kaya membeli monopoli candu daripada pemerintah, dan ia terbukti amat menguntungkan.

Seah Eu Chin 余有进

Berdekatan Shantou, China 1805-1883 Singapura

Raja gambir dan pemimpin masyarakat Teochew

Seah Eu Chin telah berhijrah ke daerah Selat pada 1823. Beliau telah mengahwini anak perempuan seorang *kapitan* Peranakan yang kaya dari Perak. Walaupun bukan daripada keturunan Peranakan, Seah menjadi sebahagian daripada masyarakat Cina Selat melalui ikatan perkahwinan dan perniagaan. Beliau membina kekayaannya melalui gambir yang digunakan sebagai ubat dan ejen penyamakan.

Seah mengetuai masyarakat Teochew yang merupakan sebuah kumpulan dialek Cina yang terbesar di Singapura pada awal abad ke-19. Beliau mengasaskan Ngee Ann Kongsi 义安公司, yang menyelia Wak Hai Chieng Bio 粤海清庙, satu daripada kuil-kuil Cina yang tertua di Singapura. Beliau juga bertindak sebagai pengantara dalam rusuhan Hokkien-Teochew pada 1854.

Seah dihormati kerana kekayaannya, bapa mertuanya dan juga kerana beliau datang daripada kedudukan politikal China yang berpendidikan. Beliau menjadi warganegara British pada tahun 1853 dan dilantik sebagai jaksa pendamai. Beliau juga mengetuai orang-orang Cina dalam menyambut kedatangan Viceroy Dalhousie ke Singapura pada tahun 1850.

Tan Kim Tian 陈金錠
Melaka 1832-1882 Singapura

Hartawan perkapalan

Pada tahun 1871, Tan Kim Tian menubuhkan “Tan Kim Tian and Son Steamship Company”, salah satu firma Cina pertama di Singapura yang membeli dan membina kapal. Pada kemuncaknya, ia mempunyai 11 kapal. Tan adalah presiden pertama Tan Si Chong Su 陈氏宗祠, sebuah kuil puak Tan. Beliau telah membina sebuah rumah agam di sudut Neil Road dan Craig Road yang dipanggil Botan House. Pada tahun 1882, beliau menghadihkan beberapa objek semulajadi dan antropologi yang aneh dan menarik kepada Muzium Raffles.

Tan Kim Ching 陈金钟
Singapura 1829-1892 Singapura

Sahabat kepada kerabat diraja Thai

Tan Kim Ching adalah anak lelaki sulung Tan Tock Seng. Beliau telah mewarisi kebanyakan daripada kedudukan sosial bapanya, walaupun ada khabar angin yang disebarkan bahawa beliau juga mengetuai rangkaian kongsi-kongsi gelap. Tan mengembangkan perniagaan beras bapanya hingga ke Vietnam dan Thailand. Beliau mengasaskan Tanjong Pagar Dock Company dengan pembelian kapal stim *Siam* dan *Singapura* pada tahun 1863. Beliau dilantik sebagai presiden Hokkien Huay Kuan pada tahun 1860 dan telah menyertai majlis perbandaran. Beliau juga telah dijadikan jaksa pendamai.

Tan mempunyai perhubungan yang sangat rapat bersama kerabat diraja Thai yang telah berkembang melalui perusahaan perniagaannya. Beliau dilantik sebagai konsul Thai pertama di Singapura dan bertanggungjawab mendapatkan seorang *governess* Inggeris untuk mendidik anak-anak Raja Mongkut. Sebagai tanda penghormatan bagi hubungan rapat beliau dengan Thailand, Tan Kim Ching telah menamakan kediaman Singapuranya di North Bridge Road sebagai “Rumah Siam” (Siam House). Rumah ini digunakan untuk melayan Raja Chulalongkorn semasa lawatannya pada tahun 1890.

Tan Beng Swee 陈明水
Singapura 1828-1884 Singapura

Pengasas kuil puak Tan

Tan Beng Swee adalah anak sulung Tan Kim Seng. Beliau telah mengambil alih Kim Seng and Company selepas kematian bapanya. Bersama Tan Kim Ching, beliau membiayai pembinaan Tan Si Chong Su 陈氏宗祠, kuil puak Tan di Singapura. Beliau menolak tawaran menduduki kerusi di Majlis Mesyuarat Negara kerana beliau beranggapan bahawa bahasa Inggerisnya kurang sempurna. Seperti bapanya, beliau mengekalkan hubungan rapat bersama Melaka, di mana beliau adalah presiden kuil Cheng Hoon Teng.

Tan Kim Seng 陈金声
Melaka 1805-1864 Melaka

Saudagar terkemuka dan pendokong bekalan air Singapura

Tan Kim Seng dididik di sebuah sekolah swasta Cina di Melaka dan fasih berbahasa Inggeris dan Belanda. Sebagai seorang saudagar di Singapura, beliau menjalankan Kim Seng and Company. Ia merupakan sebuah perniagaan yang berjaya serta mempunyai urusan niaga yang luas bersama rumah perdagangan Eropah.

Beliau dilantik sebagai jaksa pendamai selepas kematian Tan Tock Seng pada tahun 1850. Ini telah menandakan kedudukannya sebagai ketua masyarakat Hokkien di Singapura. Beliau meminta hak yang lebih untuk masyarakat Cina dan juga mengemukakan petisyen kepada pemerintah untuk membenarkan pengamalan agama Cina yang lebih terbuka. Aktiviti-aktiviti ini diiringi tanda-tanda pro-kolonial, umpamanya, apabila beliau dan Seah Eu Chin membantu membiayai Dalhousie Obelisk.

Tan Tock Seng 陈笃生
Melaka 1798-1850 Singapura

Pemimpin masyarakat Hokkien yang pertama

Tan Tock Seng tiba di Singapura pada 1819, tahun ia ditubuhkan oleh pihak British. Beliau menjual hasil bumi sebelum membina kekayaannya sebagai pemilik tanah dengan kerjasama J. H. Whitehead daripada firma Shaw, Whitehead and Company.

Sebagai pemimpin masyarakat Hokkien di Singapura, Tan telah menubuhkan Thian Hock Keng (Kuil Berkat Syurgawi). Kuil ini telah menjadi pusat tumpuan masyarakat Hokkien. Tan adalah orang Asia yang pertama dilantik sebagai seorang jaksa pendamai di Singapura. Beliau diingati pada hari ini sebagai pengasas hospital pertama untuk orang Cina yang miskin di Singapura.

Wee Bin 黄敏
Wilayah Fujian 1823-1868 Singapura

Pemilik sebuah syarikat perkapalan awal di Singapura

Wee Bin telah mengahwini Kiong Lian Kin yang berketurunan daripada sebuah keluarga Peranakan yang terkemuka di Melaka. Wee Bin and Company bermula sebagai firma yang berdagang dengan Syarikat Hindia Timur Belanda dan kemudiannya melabur dalam bidang perkapalan. Pada kemuncaknya, ia memiliki armada sebanyak 20 kapal yang melayari perairan Kepulauan Melayu dan juga laluan ke China.

Anak lelaki tunggalnya, Wee Boon Teck (1850-1888) telah mengambil alih perniagaannya. Beliau mengembangkan ia dan menjadi seorang dermawan aktif, terutama sekali dalam pemberian \$4000 kepada Hospital Tan Tock Seng. Anak cicit lelaki Wee Bin, Wee Eng Cheng (1895-1928) membina sebuah rumah yang megah di 157 Neil Road yang dikenali pada hari ini sebagai Rumah Baba (Baba House).

Gan Eng Seng 颜永成
Melaka 1844-1899 Singapura

Pengasas sebuah sekolah dwibahasa Cina-Inggeris

Gan Eng Seng dilahirkan dalam sebuah keluarga miskin di Melaka dan berhijrah ke Singapura pada usia 16 tahun. Beliau menyertai Guthrie and Co., sebuah firma perdagangan yang terkemuka di Singapura dan pada akhirnya, telah berpangkatan sebagai ketua *comprador* syarikat itu. Beliau telah membina kekayaannya daripada membekal Tanjong Pagar Dock Co. dengan tenaga buruh dan daripada pemegangan tanah.

Gan merupakan penyokong kuat pendidikan. Pada tahun 1885, beliau mengasaskan Sekolah Percuma Cina-Anglo untuk golongan miskin. Sekolah ini menggunakan cara inovatif dalam pengajaran kedua-dua bahasa Inggeris dan Cina. Pada tahun 1923, nama sekolah itu ditukar kepada Sekolah Gan Eng Seng.

Tan Keong Saik 陈恭锡
Melaka 1850-1909 Singapura

Pemilik kapal

Tan Keong Saik telah datang ke Singapura untuk bekerja sebagai kerani perkapalan. Pada tahun 1890, beliau telah menubuhkan syarikat perkapalan Singapura-Europah yang pertama bersama dengan Tan Jiak Kim dan Lee Cheng Yan. Ia bernama Straits Steamship and Company dan dibeli oleh Keppel Corporation pada tahun 1893. Tan juga telah duduk di lembaga Tanjong Pagar Dock Company.

Tan telah membantu membentuk Dewan Perniagaan Cina pada tahun 1906. Beliau adalah ahli awal Po Leung Kuk (sebuah persatuan yang ditubuhkan untuk melindungi wanita dan kanak-kanak) dan merupakan salah satu daripada penyokong awal pendidikan untuk kanak-kanak perempuan. Anak-anak perempuannya diajar oleh Sophia Blackmore pengasas Sekolah Perempuan Methodist di Singapura. Beliau memiliki beberapa buah rumah berhampiran Kreta Ayer dan pada tahun 1926, Keong Saik Road dinamakan sempena nama beliau.

Cheang Hong Lim 章芳琳
Singapura 1826-1893 Singapura

Raja candu

Cheang Hong Lim dikenali sebagai tuan besar candu dan seorang penderma yang ketara. Beliau telah meninggalkan warisan yang bermasalah. Beliau mengembangkan monopoli candu bapanya secara besar dan telah melindungi pasarannya melalui bantuan kongsi-kongsi gelap. Walaupun perdagangan candu digalakkan oleh pemerintah kolonial, tetapi cara Cheang meningkatkan kedudukannya menyalahi undang-undang.

Beliau pernah digambarkan sebagai peniaga yang tidak mempunyai belas kasihan dan telah membeli kedudukannya dalam kedua-dua sistem status kolonial dan Cina dimana beliau juga telah memperolehi gelaran terhormat.

Kemurahan hati Cheang dianggap sebagai cara beliau memesongkan perhatian daripada aktiviti-aktivitinya yang kurang enak. Beliau dikatakan telah membelanjakan \$100,000 untuk membantu golongan miskin. Beliau telah membina sekolah, pasar dan Taman Hong Lim yang merupakan taman awam pertama di Singapura.

Pada tahun 1869, Cheang menjadi warga Singapura pertama untuk menerima gelaran diraja Cina, walaupun penghormatan itu dibeli. Dia juga merupakan pembeli terbesar gelaran-gelaran Qing di daerah Selat.

Oei Tiong Ham 黄仲涵
Semarang, Jawa 1866-1924 Singapura

Raja gula

Oei Tiong Ham menjalankan sebuah konglomerat perniagaan besar yang merangkumi perkapalan, perdagangan candu dan tebu. Syarikat beliau, Oei Tiong Ham Concern, adalah pengeluar gula yang utama di Syarikat Hindia Timur Belanda dan berkembang hingga menjadi syarikat milik Cina yang terbesar di Asia.

Pengarah syarikat perkapalannya di Singapura ialah Lee Hoon Leong, bapa Dr Lee Choo Neo dan datuk kepada Lee Kuan Yew. Pada tahun 1920, Oei berpindah secara kekal dari Semarang ke Singapura, mungkin untuk melarikan diri daripada cukai dan undang-undang pusaka Belanda. Beliau menderma \$150,000 kepada Kolej Raffles (Raffles College) dan menyumbangkan tanah untuk Sekolah Tao Nan (Tao Nan School).

Semasa kematian Oei Tiong Ham, terdapat khabar angin bahawa beliau bernilai sebanyak \$140 juta, walaupun anggaran harta pusakanya yang lebih munasabah ialah kira-kira \$50 juta.

Lee Cheng Yan 李清渊
Melaka 1841-1911 Singapura

Hartawan perkapalan

Lee Cheng Yan tiba di Singapura pada tahun 1858 dan sejeurus kemudian menubuhkan sebuah syarikat perdagangan. Beliau bekerja rapat dengan syarikat-syarikat Eropah dan dilaporkan sebagai orang Cina Selat yang pertama melawati Britain atas hal perniagaan. Bersama Tan Jiak Kim dan Tan Keong Saik, Lee menubuhkan Straits Steamship Company pada tahun 1890. Syarikat ini merupakan syarikat perkapalan Singapura-Eropah yang pertama.

Lee menyokong pendidikan bahasa Cina dengan mengasaskan Sekolah Percuma Cina Hong Joo dan dengan menghulur derma kepada sekolah Gan Eng Seng dan Tao Nan. Beliau juga menunjukkan kesetiaannya kepada monarki British dengan mengumpul dana untuk Dewan Peringatan Victoria (Victoria Memorial Hall) dan menghadiri upacara peringatan Edward VII di London pada tahun 1911. Beliau memiliki empat kediaman gaya Eropah yang besar di Singapura, yang utamanya adalah Magenta Cottage di Jalan Killiney.

Seah Liang Seah 余连城
Singapura 1850-1925 Singapura

Ahli politik colonial

Seah Liang Seah telah menggantikan bapanya, Seah Eu Chin, sebagai pemimpin masyarakat Teochew dengan mengetuai Ngee Ann Kongsi, persatuan kebajikan Teochew yang berpengaruh. Beliau sering memimpin masyarakat Cina dalam upacara-upacara kolonial. Pada tahun 1887, beliau telah memberikan sebuah ucapan dalam bahasa Inggeris untuk menyambut jubli emas Ratu Victoria. Seah telah menubuhkan Persatuan British Cina Selat bersama segolongan pengasas dan telah membantu membiayai sebuah sekolah perubatan di Singapura.

Walaupun Seah seorang penyokong British, beliau juga telah mencuba untuk bekerja dalam sistem penjajah untuk memastikan kestabilan Singapura. Beliau telah mempertahankan amalan tradisional Cina daripada campur tangan kerajaan. Ini termasuk pengebumian swasta dan reka bentuk rumah kedai Cina yang membolehkan mengekalkan keluarga-keluarga besar.

Tan Jiak Kim 陈若锦
Singapura 1859-1917 Singapura

Peranakan kolonial

Tan Jiak Kim adalah cucu kepada Tan Kim Seng dan anak lelaki kepada Tan Beng Swee. Beliau menyertai Kim Seng and Company dan berkhidmat dalam Majlis Perundangan Selat dan badan-badan pemerintah yang lain. Pada tahun 1900, beliau mengasaskan Persatuan British Cina Selat dan menjadi presidennya yang pertama.

Sebagai seorang sekutu kuat British, beliau telah menghadiri pertabalan George V pada tahun 1911. Beliau juga telah membantu menganjurkan bahagian sukarelawan Cina Selat. Beliau telah menderma \$19,200 untuk sebuah pesawat tentera British. Tan juga penyokong pendidikan. Beliau menyumbang kepada Sekolah Perempuan Cina dan membantu memulakan sebuah sekolah perubatan di Singapura. C. W. Darbishire memuji Tan pada tahun 1915 sebagai seorang yang cukup berfikiran luas untuk memahami sudut pandangan Barat dan mengimpalkan ia bersama pandangan Timur dengan mudah dan lancar.

Chan Kim Boon 曾锦文
Pulau Pinang 1851-1920 Singapura

Penterjemah kisah-kisah Cina ke dalam bahasa Melayu

Chan Kim Boon telah menerjemahkan karya sastera Cina ke dalam bahasa Melayu agar cerita-cerita dongeng purba Cina mudah difahami oleh mereka yang tidak dapat membaca bahasa Cina. Chan fasih berbahasa Inggeris, Melayu dan Cina. Beliau berhijrah ke Singapura untuk bekerja sebagai juru akaun dan juruwang.

Pada tahun 1880-an, terjemahan-terjemahan Melayu pertama kisah-kisah klasik Cina telah diterbitkan di Batavia (Jakarta) dan pada tahun 1889 versi-versi yang serupa muncul di Singapura. Chan menambah penjelasan sejarah, kadang-kala dalam bahasa Inggeris dan menyertakan aksara Cina untuk nama-nama dan gelaran-gelaran. Buku-buku beliau muncul secara bersiri dalam majalah, laporan berita, cerita lucu dan surat-pesuratan. Pembacaannya meliputi seluruh Kepulauan Melayu termasuk pembaca rumi Melayu dan bukan sahaja orang Peranakan yang biasa dengan bahasa Melayu Baba.

Pang Teck Joon 冯德润
Melaka 1844-1928 Singapura

Penterjemah Melayu Baba

Pang Teck Joon telah mengikuti laluan yang ditetapkan oleh Chan Kim Boon dengan menerjemahkan cerita-cerita klasik Cina ke dalam bahasa Melayu. Dia telah menjadi kaya melalui pelaburan hartanah yang bijak dan melalui kedudukannya sebagai seorang penjaga stor untuk Getz Company dan kemudiannya untuk Henry Waugh and Company.

Kim Seck Chye Press di 174 Jalan Telok Ayer di Singapura telah mencetak kebanyakan daripada terjemahan-terjemahan Pang yang bermula pada tahun 1899. Buku-buku yang penting ini membentuk rekod bertulis awal dalam bahasa Baba Melayu, sebuah versi bahasa Melayu yang mempunyai pengaruh Hokkien yang ketara dan bahasa Cina Peranakan di Singapura dan Melaka.

See Ewe Lay 薛有礼
Melaka 1851-1906 Singapura

Pengasas akhbar Cina utama yang pertama di Singapura

See Ewe Lay berketurunan daripada sebuah keluarga Peranakan lama di Melaka. Beliau berpindah ke Singapura dan menjadi *comprador* untuk Bank Hongkong dan Shanghai. Pada tahun 1881, dia memulakan Lat Pau 叻报 sebuah penerbitan akhbar seharian bahasa Cina utama yang pertama di Singapura. Ia diterbitkan sehingga tahun 1934. Ini menunjukkan bahawa orang-orang Peranakan berorientasi Inggeris masih terlibat dalam budaya bahasa Cina dengan mendalam.

1890 hingga 1945: Kerjasama dengan pihak kolonial

Jawatan rasmi

Hanya segelintir orang Peranakan yang berkuasa, memegang jawatan-jawatan penting yang terbuka untuk orang Cina, umpunya keahlian dalam Majlis Mesyuarat Negara, Suruhanjaya Perbandaran dan Lembaga Penasihat Cina. Jawatan-jawatan ini dipegang secara bergiliran di antara beberapa orang. Setiap satu daripada mereka juga telah memimpin Persatuan British Cina Selat, sebuah organisasi yang tertumpu kepada pembaharuan dan pemodenan masyarakat Cina. Orang Cina sebaliknya tetap dikecualikan daripada perkhidmatan awam hingga tahun 1934, sedangkan orang-orang Asia dibenarkan untuk memegang beberapa jawatan pemerintah di peringkat bawah.

Pendidikan

Tawaran Biasiswa Ratu British untuk menuntut di sebuah universiti British menggalakkan lebih ramai pelajar untuk kekal di sekolah dan bersaing untuk penghargaan tersebut. Orang-orang Peranakan menjadi pengasas Sekolah Perempuan Cina Singapura pada 1899 dan juga dalam penubuhan sebuah sekolah perubatan untuk Malaya pada tahun 1905.

Kepujian

Dalam 1877, pemerintah Cina menubuhkan sebuah konsulat di Singapura yang menjual gelaran diraja. Perhatian China terhadap orang-orang Cina Selat telah membimbangkan pihak British dan mereka pula mula memberi gelaran-gelaran kepada orang-orang Peranakan. Pada tahun 1936, Song Ong Siang menjadi orang Cina Selat pertama yang dikurniakan darjah kesatria. Selanjutnya, pada tahun 1952, Tan Cheng Lock diberi darjah yang sama.

Tan Cheng Kee 陈庆直
Singapura 1882–1939 Singapura

Usahawan perfileman

Tan Cheng Kee, anak lelaki Tan Keong Saik, adalah seorang perintis dalam industri hiburan di Singapura. Beliau memiliki teater-teater Alhambra, Marlborough dan Palladium serta Taman Luna. Pembinaan dewan baru Alhambra bermula pada tahun 1914 dan selesai pada 1916. Ia direka oleh arkitek Serani tempatan J. B. Westerhout dan memaparkan lukisan-lukisan minyak raja dan ratu British di kawasan dalamnya. Teater ini dibeli oleh Shaw Brothers pada tahun 1930-an dan pada 1938, ia menjadi panggung wayang berhawa dingin yang pertama di Singapura.

Ong Boon Tat 王文达
Singapura 1888–1941 Singapura

Perintis taman hiburan

Pada tahun 1923, Ong Boon Tat membuka New World yang merupakan taman hiburan pertama di Singapura. Ia mengandungi pelbagai aneka tarikan termasuk sebuah kabaret berhawa dingin yang mempunyai lantai tarian besar, penayangan filem, pertandingan tinju, ronggeng, bangsawan, opera Kantonis, dan peraduan kecantikan. Pengunjung juga boleh membeli tiket untuk menari dengan "*penari teksi*". Taman ini menawarkan hiburan Barat dan Asia untuk hadirin yang berbilang bangsa.

Kejayaan New World membawa kepada tiruan-tiruan seperti Great World, Gay World dan Happy Valley. Taman ini ditutup pada tahun 1987.

Goh Hood Keng 吴福庆
Singapura 1888–1961 Singapura

Pendakwah Methodist

Reverend Goh telah berkhidmat selama bertahun-tahun sebagai paderi di Gereja Methodist Cina Selat (kini Gereja Methodist Kampong Kapor) yang mempunyai jemaah Peranakan yang besar. Beliau merupakan orang Cina Selat pertama yang ditahbiskan sebagai paderi Methodist. Mengikut kisah beliau, kedua ibu bapanya yang merupakan penganut Buddha yang taat pada mulanya membantah. Walaubagaimanapun, mereka kemudiannya menerima penukaran beliau kepada agama Kristian.

Gereja Methodist memainkan peranan utama dalam menubuhkan sekolah-sekolah di Singapura. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada Sekolah Cina-Anglo dan diikuti dengan sekolah-sekolah yang ditubuhkan Sophia Blackmore untuk kanak-kanak perempuan India dan Cina.

Beberapa Cina Peranakan termasuk Lim Boon Keng dan Song Ong Siang memeluk agama Kristian pada awal abad ke-19 dan lewat abad ke-20. Ini merupakan tren yang lebih menyuluruh dalam orang-orang elit Cina. Sebagai contoh, Sun Yat-sen, Chiang Kai-shek dan lain lagi adalah penganut Kristian.

Song Ong Siang 宋旺相
Singapura 1871–1941 Singapura

Ahli sejarah Cina Selat dan kesatria pertama Cina Singapura

Song Ong Siang ialah orang Cina yang pertama dari Malaya untuk menerima kesatria British. Beliau amat komited dalam membentuk semula masyarakat Cina di daerah Selat. Beliau adalah di antara orang-orang Peranakan yang paling berpihak kepada British dan ini melambangkan kerumitan peralihan Singapura kepada dunia moden.

Sebagai seorang penerima Anugerah Ratu British (Queen's Scholarship), beliau mempelajari undang-undang di Universiti Cambridge. Sekembalinya ke Singapura, beliau menubuhkan firma guaman Aitken dan Ong Siang bersama rakan sebiasiswanya, James Aitken.

Pada tahun 1894, dia memulakan akhbar rumi Melayu yang pertama di Singapura iaitu *Bintang Timor*. Seterusnya pada 1923 pula, beliau menerbitkan mercu tandanya iaitu *Sejarah Seratus Tahun Orang-orang Cina di Singapura*. Dengan perkongsian bersama Lim Boon Keng, Song menerajui beberapa inisiatif-inisiatif progresif termasuklah Persatuan British Cina Selat dan *Majalah Cina Selat*. Song pernah menjadi seorang ketua Gereja Cina Selat (kini Gereja Presbyterian Prinsep Street) selama 41 tahun dan presiden Persatuan Kristian Cina.

Tan Chay Yan 陈齐贤
Melaka 1871-1916 Melaka

Raja getah

Pada tahun 1895, Tan Chay Yan memperolehi sembilan anak benih pokok getah dari Taman Botani Singapura (pokok getah itu berasal dari Brazil) dan telah menggunakannya untuk memulakan sebuah ladang di Bukit Lintang, Melaka. Ladang itu juga merupakan ladang ubi kayu lama ayahnya. Usaha Tan ini memulakan industri getah di Tanah Melayu. Sehingga tahun 1920, ia telah meliputi 2.2 juta ekar dan merupakan tanaman kontan utama bagi rantau ini. Ladang getah Tan sebesar 3000 ekar di Bukit Asahan adalah yang terbesar di dunia. Beliau menghidap malaria melalui pekerjaannya di ladang-ladang dan meninggal dunia pada tahun 1916.

Tan adalah cucu lelaki kepada Tan Tock Seng dan beliau juga terlibat dalam perbankan dan insurans dan telah membantu membentuk Eastern United Assurance Corporation. Beliau berkhidmat di majlis perbandaran Melaka dan mengasaskan cawangan Persatuan British Cina Selat di sana. Beliau juga menyertai pertubuhan Sun Yat-sen iaitu Tongmenghui. Beliau membiayai pembangunan sebuah sekolah perubatan di Singapura yang dinamakan sempena bapanya Tan Teck Guan.

Lim Peng Siang 林秉祥
Xiamen 1872–1944 Singapura

Pegawai Bank dan presiden Dewan Perniagaan Cina

Lim Peng Siang adalah cucu lelaki kepada Wee Bin. Bapanya, Lim Ho Puah, bekerja untuk datuknya. Lim adalah pengasas utama kumpulan syarikat-syarikat Ho Hong yang terlibat dalam perkapalan, beras, simen, minyak dan perbankan. Beliau berkhidmat sebagai presiden Dewan Perniagaan Cina dan merupakan ahli Lembaga Penasihat Cina. Semasa Perang Dunia I, beliau dan ipar lelakinya Lee Choon Guan mendermakan sebuah pesawat.

Lim Nee Soon 林义顺
Singapura 1879-1936 Shanghai

Raja Nanas dan Nasionalis Cina

Lim Nee Soon telah berkahwin dengan Wi Pek Hay, seorang wanita Peranakan yang bapanya dipercayai seorang *kapitan* di Bali. Lim telah memulakan sebuah syarikat getah dan nanas pada tahun 1911. Di dalam industri nanas yang berkembang pesat, beliau digelar "Raja Nanas" kerana ladang-ladang besarnya.

Lim sebagai kawan Sun Yat-sen amat terlibat dalam politik Kebangsaan Cina. Beliau mengasaskan kertas revolusi *Thoe Lam Jit Poh* dengan Teo Eng Hock serta Tan Chor Nam dan telah memulakan cawangan Tongmenghui 同盟会 di Singapura, sebuah organisasi Nasionalis bawah tanah. Bandar Yishun (terjemahan pinyin daripada Nee Soon) dinamakan sempena Lim Nee Soon.

Tan Boo Liat 陈武烈
Singapura 1875-1934 Shanghai

Peminat perlumbaan kuda

Tan Boo Liat cicit kepada Tan Tock Seng telah mengikuti nenek moyangnya dalam menerajui Hokkien Huay Kuan dan kuil Thian Hock Keng. Beliau mempunyai hubungan antarabangsa dan kepentingan komersial di Thailand yang kukuh. Beliau merupakan seorang penyokong Sun Yat-sen dan telah menjadi president Kuomintang di Singapura.

Kediaman Tan di Pender Road yang dinamakan Golden Bell adalah salah satu daripada rumah-rumah agam Peranakan yang masih kekal. Golden Bell adalah terjemahan daripada nama datuknya, Kim Ching. Sun Yat-sen pernah tinggal sekali di rumah tersebut.

Lim Boon Keng 林文庆
Pulau Pinang 1869–1957 Singapura

Aktivis intelektual dan sosial

Lim mungkin dianggap sebagai lambang kaum Peranakan sekitar 1900. Lim fasih berbahasa Melayu dan Inggeris, tetapi kurang petah dalam bahasa Mandarin. Beliau selesa bersama masyarakat British, Cina dan Peranakan. Beliau dengan sendirinya telah memeluk agama Kristian dan Konfusianisme.

Beliau mempelajari bidang perubatan di Britain, memasuki politik Singapura, melabur dalam perbankan dan menyokong pembaharuan pendidikan serta politik di kedua-dua negeri Selat dan China. Cara Lim adalah salah satu kompromi di antara perubahan politik dalam struktur kolonial British dan suatu neo-Konfusianisme yang menekankan pemodenan yang menghormati tradisi.

Sebagai orang Cina yang pertama menerima Biasiswa Ratu British (Queen's Scholarship), Lim memperolehi kepujian kelas pertama dalam bidang perubatan di Universiti Edinburgh. Beliau telah menyertai Majlis Undangan Selat dan turut membantu mengasaskan Majalah Cina Selat (Straits Chinese Magazine) dan Persatuan British Cina Selat.

Chew Joo Chiat 周如切
Xiamen 1857-1926 Singapura

Raja Katong

Selepas berhijrah ke Singapura, Chew Joo Chiat telah mengahwini seorang wanita Peranakan bernama Tan Quan Neo. Dia menjadi kaya melalui pertanaman gambir, buah pala dan kelapa. Chew memperolehi kawasan tanah yang besar di daerah Katong di Singapura. Pada tahun 1917, beliau membenarkan sebatang jalan awam untuk melintasi tanahnya dan sekarang, kawasan ini dikenali sebagai Joo Chiat.

Cheong Koon Seng 钟坤成
Singapura 1880–1934 Singapura

Penganjur dan pembiaya teater bahasa Melayu

Cheong Koon Seng telah membina Teater Diraja sebagai lokasi untuk Star Opera Company, sebuah syarikat persembahan bahasa Melayu. Ia adalah teater utama pertama di Singapura yang dikhususkan pada persembahan-persembahan Melayu. Ia mempersembahkan pementasan-pementasan Shakespeare, kisah-kisah klasik Cina dan cerita-cerita dongeng daripada pelbagai budaya. Kesemua cerita-cerita dongeng tersebut dimuatkan dengan pelbagai hiburan daripada tarian dan muzik hingga ke pertunjukan silap mata, acara gusti dan badut-badut.

Penonton-penonton seperti yang dijelaskan dalam ulasan dan iklan, termasuk semua orang yang bertutur bahasa Melayu tanpa mengira kaum. Star Opera telah menarik naungan gabenor dan Sultan Terengganu.

See Tiong Wah 薛中华
Singapura 1886–1940 Singapura

Pengasas Perkuburan Bukit Brown

See Tiong Wah bekerja untuk Bank Hongkong dan Shanghai (Hongkong and Shanghai Bank), yang telah membuka sebuah pejabat di Singapura pada tahun 1877. Beliau juga merupakan pengasas dan pengarah Great Eastern. Beliau merupakan salah satu di antara orang-orang Peranakan yang aktif dalam perbankan dan insurans. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai badan pemerintah dan menjadi presiden Dewan Perniagaan Cina. Beliau telah duduk dalam jawatankuasa yang menubuhkan Tanah Perkuburan Bukit Brown pada tahun 1922.

Low Kway Song 刘溪松
Singapura 1889–1982 Singapura

Pelukis

Low Kway Song adalah seorang artis belajar sendiri yang terkenal dengan potret-potretnya yang memaparkan ahli-ahli terkemuka masyarakat Singapura dan Tanah Melayu. Sebagai seorang anggota Persatuan Lukisan Singapura Amatur, beliau telah menganjur dan mengambil bahagian dalam pameran-pameran di Singapura dan Melaka. Low telah menciptakan potret Ratu Elizabeth II, Sun Yat-sen, Aw Boon Haw dan perdana menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman. Beliau dilaporkan sebagai artis Singapura yang pertama untuk menerima jumlah empat angka untuk sebuah komisen potret Oei Tiong Ham pada tahun 1927. Low juga seorang kartunis untuk *Eastern Illustrated Review*.

Low juga cemerlang dalam seni pentas. Beliau adalah ahli pengasas Persatuan Muzik dan Drama Merrilads, sebuah kumpulan seni pentas Peranakan popular yang dimulakan pada tahun 1923.

Lee Choon Guan 李浚源
Singapura 1868-1924 Singapura

Pengurus bank

Lee Choon Guan (anak Lee Cheng Yan) telah memperluaskan kekayaan keluarganya melalui perkapalan dan perbankan. Lee adalah pengerusi Bank Perdagangan Cina (Chinese Commercial Bank) yang kemudiannya digabungkan dengan Bank Ho Hong untuk membentuk Koporasi Perbankan Cina Luar Negara (Oversea-Chinese Banking Corporation atau OCBC).

Beliau telah berkhidmat di Suruhanjaya Perbandaran dan Lembaga Penasihat Cina, dan menderma dengan murah hati kepada tujuan-tujuan pendidikan. Beliau adalah ahli aktif Persatuan British Cina Selat. Semasa Perang Dunia Pertama, beliau dan Lim Peng Siang telah menyumbangkan sebuah pesawat tentera kepada Britain.

Mrs Lee Choon Guan (Tan Teck Neo) 陈德娘
Singapura 1877-1978 Singapura

Sosialit dan presiden pengasas Persatuan Wanita Cina

Tan Teck Neo adalah anak perempuan kepada Tan Keong Saik yang telah membantu seorang mubaligh Methodist, Sophia Blackmore untuk menubuhkan sebuah sekolah perempuan kerana inginkan anak-anak perempuannya mendapat pendidikan yang sempurna. Pada tahun 1900, beliau berkahwin dengan Lee Choon Guan, dan menjadi isteri keduanya.

Puan Lee menyokong beberapa tujuan kebajikan wanita, termasuk biasiswa untuk bidan-bidan dan wang derma kepada Sekolah Perempuan Cina Singapura (SCGS). Beliau adalah salah seorang pengasas Persatuan Wanita Cina (Chinese Ladies' Association) dan berkhidmat sebagai presidennya yang pertama. Mereka mengadakan kelas kemahiran rumah tangga dan kemudiannya mengendalikan usaha-usaha kebajikan.

Semasa Perang Dunia Pertama, beliau telah ke India untuk membantu dalam hal kebajikan pasukan British dan aktif dalam Palang Merah. Pada tahun 1918, beliau merupakan wanita Cina pertama yang dinobatkan sebagai Ahli Perintah Empayar British (Order of the British Empire).

Koh Hoon Teck 许云德
Singapura 1878–1956 Singapura

Pakar puisi dan lagu Melayu

Koh Hoon Teck adalah pakar pantun dan dondang sayang. Beliau memulakan kerjayanya pada 1904 sebagai salah satu anggota Cornwall Minstrels (Penyair-penyair Cornwall) iaitu sekumpulan "lelaki-lelaki budiman Cina Selat yang dihormati". Kumpulan ini mempersembahkan lagu jenaka dalam bahasa Inggeris semasa majlis perkahwinan, pesta-pesta dan acara-acara amal. Pada tahun 1910, Koh mengasaskan Persatuan Gunong Sayang yang merupakan salah satu kumpulan teater Peranakan terawal di Singapura yang masih aktif pada hari ini. Beliau sering mengumpul ahli-ahli persatuan itu untuk berlatih di rumahnya dan mengiringi mereka dengan bermain biola. Beliau telah meminta agar upacara pengebumiannya didampingi dengan dondang-sayang.

Koh mengasaskan sebuah firma percetakan dan alat tulis, Koh and Company, di Jalan Bras Basah. Ia menghasilkan poskad yang menunjukkan monument-monumen dan adegan-adegan seharian di Singapura.

1946 hingga 1965: Pembangunan Negara

Aktivisme politik

Pada kesudahan Perang Dunia ke-II, ramai daripada pemimpin-pemimpin baru Singapura muncul daripada masyarakat Peranakan yang berpendidikan Inggeris. Walaupun sebahagian di antara mereka memilih untuk bekerja dengan rapat bersama pihak British untuk perubahan secara beransur-ansuran, yang lainnya mendapat inspirasi dari pergerakan kemerdekaan. Wanita-wanita Peranakan merupakan perintis dalam pergerakan hak asasi wanita, dan membantu meluluskan Piagam Wanita.

Bank-bank dan pembinaan semula

Orang-orang Peranakan membantu memulihkan ekonomi Singapura, yang telah dirobek oleh peperangan. Contohnya, bank-bank tempatan menawarkan pinjaman secara liberal untuk membolehkan perniagaan-perniagaan lama kembali bermula dan perniagaan-perniagaan baru untuk ditubuhkan. Pada 1960-an, bank-bank komersil juga membantu membiayai pembangunan ekonomi buat industri-industri baru Singapura.

Seni dan budaya popular

Gerakan pembaharuan orang-orang Cina Selat pada awal abad ke-20 mengaitkan orang-orang Peranakan dengan riadah dan kemewahan yang berlebihan. Sejak zaman kolonial, masyarakat ini aktif dalam sektor kebudayaan, terutamanya muzik, teater dan hiburan. Selepas perang, pertubuhan-pertubuhan muzikal dan pementasan amatir kekal popular di kalangan orang-orang Peranakan.

Kwa Geok Choo 柯玉芝
Singapura 1920–2010 Singapura

Peguam dan pembela hak-hak wanita

Dilahirkan kepada sebuah keluarga Peranakan, Kwa Geok Choo adalah anak perempuan kepada Kwa Siew Tee. Beliau memenangi Biasiswa Ratu British (Queen's Scholarship) yang berprestij dan menuntut dalam bidang undang-undang di Universiti Cambridge. Beliau telah lulus dengan kepujian kelas pertama dan telah menjadi wanita pertama dari Malaya untuk berbuat demikian. Pada Disember 1947, beliau telah berkahwin dengan Lee Kuan Yew di England secara senyap.

Sebagai ahli pengasas Parti Tindakan Rakyat (People's Action Party), Kwa telah membantu menggubal perlembagaan parti. Walaupun beliau menghadiri mesyuarat penganjuran yang pertama, beliau bukan sebahagian daripada golongan dalaman parti. Pada tahun 1965, beliau telah membantu menyediakan peruntukan air yang penting yang menjamin bekalan air Singapura selepas berpisah dengan Malaysia.

Kwa merupakan penyokong besar hak-hak wanita. Beliau membantu menggubal Piagam Wanita pada tahun 1961. Usaha ini telah memperuntukkan perkahwinan monogami, melindungi wanita daripada penderaan fizikal dan menjamin perlindungan kewangan dalam perceraian. Beliau juga menyokong penghapusan diskriminasi jantina dalam soal gaji.

Mrs Seow Peck Leng (Chua Seng Kim) 蔡成金

Singapura 1911–2007 Singapura

Pembela hak-hak wanita

Puan Seow Peck Leng adalah presiden pengasas Persatuan Wanita Singapura. Beliau dididik di Sekolah Perempuan Cina Singapura (SCGS) dan Sekolah Perempuan Raffles (RGS). Beliau seterusnya mengajar di Sekolah Inggeris Telok Kurau dan menjadi guru besar Sekolah Cantonment. Beliau juga merupakan setiausaha dan naib presiden wanita pertama Kesatuan Guru-Guru Singapura dan memimpin perjuangan untuk penyertaan guru-guru wanita yang sudah berkahwin ke dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan baru pemerintah.

Sebagai ahli politik pembangkang wanita pertama Singapura, Puan Seow mewakili Mountbatten untuk Pakatan Rakyat Singapura dari tahun 1959 hingga tahun 1963. Beliau mencadangkan undang-undang untuk mengharamkan perkahwinan poligami yang membawa kepada kelulusan Piagam Wanita pada tahun 1961. Beliau juga menyokong bahawa contoh Peranakan sebagai sebuah budaya sintesis serta tradisinya yang kukuh dijadikan sebagai model negara berbilang kaum yang baru di Malaysia. Beliau telah bersara dari politik pada tahun 1965 dan telah menumpukan sepenuh masanya ke kerja sosial.

Sylvia Kho 许黄仙妹

Kanching 1917–2013 Singapura

Pereka pakaian pengantin

Sylvia Kho adalah pereka pakaian pengantin yang paling terkenal di Singapura dari tahun 1960-an hingga 1980-an dan pelanggan-pelanggannya adalah orang-orang kaya dan ternama di rantau ini. Dilahirkan sebagai Wong Sien Moy, beliau telah belajar menjahit dan seni manik dari ibunya yang seorang Peranakan. Pada usia sembilan tahun, beliau boleh mereka bentuk, memotong corak dan menjahit. Beliau telah menuntut di Singapura dan bekerja di Hospital Besar Singapura sebagai jururawat sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Pada masa itu, dia telah pergi ke Semarang untuk bersama tunangnya, Kho Hock Chiao. Beliau mengambil kursus-kursus masakan, membakar kek dan roti dan jahitan.

Sekembalinya ke Singapura pada tahun 1946 beliau memulakan perniagaan baju pengantin dari rumah. Beliau membuka butik pertamanya di gedung membeli-belah Tanglin (Tanglin Shopping Centre) pada tahun 1968. Gaun-gaun perkahwinan beliau diperbuat daripada kain renda mewah dan kain-kain yang diperolehinya daripada persinggahan beliau ke Amerika dan Eropah.

Mrs Tay Lian Teck (Tan Chew Neo) 陈秋娘

Singapura 1898–1986 Singapura

Aktivis sosial

Tan Chew Neo adalah salah seorang pengasas Persatuan Wanita Cina. Beliau telah menganjurkan sebuah jawatankuasa untuk mengumpul dana bagi usaha perang pada tahun 1939. Kemudian pada tahun 1948, beliau menjadi presiden persatuan tersebut.

Pada tahun 1922, beliau mengahwini Tay Lian Teck (1899-1941), ahli Majlis Mesyuarat Negara. Tay Lian Teck terbunuh dalam serangan Jepun di Singapura tetapi Puan Tay dan anak perempuan mereka berjaya melarikan diri ke Australia.

Selepas perang, Puan Tay memperjuangkan penglibatan wanita yang lebih besar dalam bidang politik. Beliau adalah salah seorang daripada dua wanita pertama yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Cina dan jaksa pendamai. Beliau juga berkhidmat di dalam Lembaga Rayuan Filem.

Lee Choo Neo 李珠娘

Singapura 1895–1947 Singapura

Doktor wanita pertama Singapura

Lee Choo Neo telah berpisah daripada tradisi nyonya yang terasing serta menggunakan kedudukannya yang istimewa untuk mengambil kesempatan atas reformasi sosial. Beliau adalah anak perempuan kepada seorang Peranakan dari Semarang yang mengendalikan syarikat perkapalan Oei Tiong Ham di Singapura. Abangnya, Lee Chin Koon, adalah bapa kepada Lee Kuan Yew.

Lee Choo Neo telah menghadiri Sekolah Perempuan Cina dan Sekolah Perempuan Raffles. Pada tahun 1911, beliau merupakan wanita Cina Selat yang pertama memperolehi Sijil Senior Cambridge. Beliau mempelajari ilmu perubatan di Sekolah Perubatan Raja Edward VII di Singapura dan menjadi doktor wanita Cina yang pertama di bandar ini pada tahun 1920.

Lee juga mengambil minat yang mendalam terhadap drama Melayu dan pada tahun 1912 beliau menulis, mengarah bersama (dengan artis Low Kway Soo) dan berlakon dalam sebuah komedi bertajuk *Mustapha* yang dipersembahkan di Panggung Victoria.

Maggie Lim 林陈美仪
Singapura 1913–1995 Singapura

Perintis perancangan keluarga

Maggie Lim adalah anak perempuan kepada ahli perniagaan Tan Kwee Swee dan datang daripada keturunan Tan Tock Seng. Beliau adalah wanita pertama yang telah memenangi Biasiswa Ratu (Queen's Scholarship) yang berprestij. Lim telah menghadiri Sekolah Perubatan untuk Wanita London (London School of Medicine for Women) dan kemudiannya bekerja di Hospital Percuma Diraja (Royal Free Hospital).

Setelah kepulangan beliau ke Singapura pada tahun 1940, Lim telah menjadi seorang pegawai kesihatan awam yang pakar dalam kesihatan ibu dan anak. Beliau telah berkempen untuk meningkatkan kesedaran tentang kawalan kelahiran. Pada tahun 1949 beliau menyertai Persatuan Perancangan Keluarga yang baru ditubuhkan dan bertanggungjawab bagi mengambil doctor-doktor untuk bekerja, mencadangkan bentuk-bentuk kontrasepsi dan menguruskan klinik-klinik. Pada tahun 1963, dia menjadi ketua jabatan bersalin dan kebajikan kanak-kanak di Kementerian Kesihatan dan Presiden Persatuan Perancangan Keluarga. Beliau kemudian bekerja di luar negara, diantaranya termasuk di Sekolah Kesihatan Awam Universiti Hawaii (University of Hawaii's School of Public Health) dan di Pusat Timur-Barat (East-West Center).

Kwa Siew Tee 柯守智
Semarang, Jawa 1888–1977 Singapura

Pengurus bank

Kwa Siew Tee datang ke Singapura pada usia sepuluh tahun untuk mempelajari bahasa Inggeris dan untuk mencari kekayaan. Selepas mengajar di Institusi Raffles, dia bekerja di ladang-ladang getah dan lombong bijih timah di Malaya. Kemudian, beliau bersama-sama dengan beberapa orang lain telah mengasaskan firma perakaunan Chan Sze Onn dan Co. Pada tahun 1932, beliau menyertai Koporasi Perbankan Cina Luar Negara (OCBC) sebagai pengurus pertukaran dan akhirnya dinaikkan pangkat kepada pengurus besar.

Beliau berkhidmat untuk Suruhanjaya Perbandaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Singapura. Kwa telah berkahwin dengan Wee Yew Neo dan Kwa Geok Choo adalah anak perempuan mereka.

Seow Eu Jin 萧友仁
Singapore 1920–1993 Perth

Arkitek baba yang pertama dan penjuang pemeliharaan

Seow Eu Jin dibesarkan di sebuah rumah agam di Emerald Hill. Ibunya, Polly Tan, adalah anak perempuan Tan Boo Liat dan juga keturunan Tan Tock Seng. Beliau telah mempelajari bidang kejuruteraan di Perth dan kemudian bidang seni bina di Melbourne. Kerjaya beliau bermula dengan firma Booty and Edwards di Kuala Lumpur tetapi pada tahun 1951 beliau telah memulakan E. J. Seow Associates yang kemudiannya menjadi Seow, Lee and Heah.

Beliau adalah presiden pertama Institut Arkitek Singapura. Seow juga adalah naib pengerusi Lembaga Pemeliharaan Monumen. Beliau menggalakkan rakyat-rakyat Singapura untuk menyumbang cadangan buat monumen-monumen yang mahu dipelihara. Pada tahun 1974 beliau telah menjadi ketua Pengajian Seni Bina Universiti Singapura (University of Singapore's School of Architecture). Firma Seow mereka rumah-rumah dan blok-blok menara kediaman dengan gaya antarabangsa yang moden. Salah satu bangunan Seow yang paling menonjol adalah sayap asal Hotel Shangri-La yang selesai dibina pada tahun 1971.

Lim Yew Hock 林有福
Singapore 1914–1984 Jeddah

Ketua menteri Singapura yang kedua

Lim Yew Hock adalah salah satu ahli politik Singapura yang paling berkuasa pada tahun-tahun sebelum kemerdekaan Singapura. Lim dianggap sebagai seorang Peranakan generasi ketiga. Beliau telah menjadi ahli Persatuan British Cina Selat dan selepas peletakan jawatan David Marshall, beliau berkhidmat sebagai ketua menteri negara yang kedua, dari tahun 1956 hingga ke tahun 1959.

Sebagai ketua menteri, Lim menangani beberapa peristiwa mogok dan mengarahkan penangkapan para pemimpin kesatuan, wartawan, guru dan pelajar. Walaupun beliau mempunyai kelayakan kesatuan sekerja yang kuat dan membantu mencapai pemerintahan sendiri untuk Singapura, penindasan pelajar dan elemen berhaluan kiri mengasingkannya dengan kebanyakan pengundi Cina. Lim telah dikaitkan dengan pemerintahan British yang mengawal dengan kekerasan dan beliau telah dikalahkan oleh Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada tahun 1959.

Walaupun Lim berkhidmat sebagai ketua pembangkang, beliau tidak lama kemudian hilang minat dalam politik Singapura. Apabila Singapura mencapai kemerdekaan pada tahun 1965, beliau memilih kewarganegaraan Malaysia, walaupun beliau sendiri menggambarkan dirinya sebagai anak daripada ibu bapa yang terpisah, dan apabila Malaysia dan Singapura bersatu lagi, beliau akan menjadi seorang yang bahagia kembali.

Tan Cheng Lock 陈祯禄
Melaka 1883–1960 Melaka

Negarawan Malaya

Tan Cheng Lock dianggap sebagai ahli politik Cina tulen yang pertama di negeri-negeri Selat. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 1923, di mana beliau berhujah untuk mengakhiri diskriminasi terhadap kaum Cina dalam perkhidmatan awam, pasukan polis dan pada dasar imigresen. Beliau menggesa penubuhan sebuah Malaya British bersatu yang ditadbir sendiri, beserta sebuah Pemerintah Federal dan Parlimen yang tidak akan dibahagikan atas dasar kaum.

Selepas Perang Dunia II, beliau menubuhkan Persatuan Cina Malaya. Parti itu membentuk satu pakatan dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Pada tahun 1955, Parti Perikatan (Alliance Party) telah memenangi pilihan raya pertama Malaya dan juga tiga kerusi dalam pilihan raya umum Singapura. Tan telah menghadiri mesyuarat pertama Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura, dan masih menyuarakan harapan bahawa Singapura dan Malaya akan bersatu.

Tan mula bersara daripada kehidupan awam pada pertengahan tahun 1950-an dan tidak menyertai parlimen Malaya. Anak lelakinya, Tan Siew Sin menjadi menteri perdagangan Malaya dan kemudiannya pula beliau menjadi menteri kewangan.

Tan Chin Tuan 陈振传
Singapura 1908–2005 Singapura

Encik OCBC

Tan Chin Tuan adalah anak kepada pengurus bank Tan Cheng Siong. Rancangan beliau untuk belajar undang-undang di England tersekat dengan kematian bapanya. Beliau bermula sebagai kerani rendah di Bank Perdagangan China (Chinese Commercial Bank) dan dinaikkan pangkat sehingga menjadi pengarah urusan Koporasi Perbankan Cina Luar Negara (OCBC) pada usia 34 tahun. Beliau menjadi pengerusi pada tahun 1966. Tan bertanggungjawab atas strategi OCBC yang berpandangan jauh untuk melabur dalam syarikat-syarikat cip biru sewaktu tempoh-tempoh ekonomi yang tidak menentu.

Tan telah bekerja rapat dengan kerajaan kolonial British untuk mengecapi pemerintahan sendiri secara beransur-ansur. Pada tahun 1951, beliau menjadi timbalan presiden Majlis Perundangan. Ini merupakan pangkat politik tertinggi yang dipegang oleh orang Asia di bawah pemerintahan kolonial.

Lim Kim San 林金山
Singapura 1916–2006 Singapura

Encik HDB

Lim Kim San adalah pengerusi pertama Lembaga Perumahan dan Pembangunan Singapura (HDB) yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membina perumahan awam dengan pantas. Beliau telah menuntut di Sekolah Cina-Anglo (ACS) dan Kolej Raffles. Sebagai seorang ahli perniagaan yang bijak, beliau telah menjalankan perniagaan-perniagaan getah, komoditi, garam dan minyak keluarganya. Beliau juga telah mengambil alih perniagaan sagu dan pajak gadai bapa mertuanya. Beliau membuat wang jutanya yang pertama pada usia 34 tahun.

Lim menjadi pengerusi HDB dari 1960 hingga 1963. Di bawah kepimpinan beliau, HDB membina lebih daripada 26,000 rumah pangsa, jauh lebih daripada yang dibina Amanah Peningkatan Singapura (SIT), dalam masa 32 tahun sebelumnya.

Pada tahun 1962, Lim adalah orang yang pertama yang dianugerahkan Darjah Utama Temasek (Order of Temasek). Pada tahun berikutnya, beliau dipilih ke parlimen dan mengetuai secara berturut-turut kementerian-kementerian pembangunan negara, kewangan, pertahanan, pendidikan dan alam sekitar, sehingga beliau bersara pada tahun 1981.

Toh Chin Chye 杜进才
Perak 1921–2012 Singapura

Pengurus Pengasas PAP

Toh Chin Chye telah memperolehi PhD dalam bidang fisiologi di London. Selepas kembali ke Singapura pada tahun 1953, Toh mengajar di Universiti Malaya sebelum memasuki arena politik.

Toh telah mencadangkan pembentukan Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan merupakan pengerusinya selama 27 tahun. Selepas kemenangan pilihan raya umum pada tahun 1959, undinya telah membawa kepada pemilihan Lee Kuan Yew sebagai perdana menteri Singapura. Sebagai timbalan perdana menteri Singapura yang pertama, Toh adalah seorang penyokong kuat buat penggabungan bersama Malaysia. Pemisahan kedua-dua negara itu telah menjadi sebab perselisihan beliau dengan Lee.

Selepas Toh meninggalkan kabinet pada tahun 1981, beliau menjadi ahli politik tanpa kerusi yang lantang bersuara. Beliau berhujah untuk toleransi politik yang lebih besar dan untuk kebebasan akhbar. Beliau bersara daripada politik pada tahun 1988. Lee Kuan Yew berkata tentang Toh: "apabila orang-orang yang kuat keyakinannya duduk bersama, pertempuran pendapat yang kuat juga agak biasa. Tetapi pertempuran kami selalu berprinsip dan dalam lingkungan perselisihan yang hormat..."

Goh Keng Swee 吴庆瑞
Melaka 1918–2010 Singapura

Arkitek dasar awam Singapura

Sedang beliau mengikuti ijazah PhD di Sekolah Ekonomik London (LSE), Goh Keng Swee telah memulakan Forum Malaya bersama dengan sekumpulan pelajar-pelajar dari negeri-negeri Selat. Beliau telah menjalin hubungan rapat dengan Lee Kuan Yew dan Toh Chin Chye.

Goh menyertai Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada tahun 1956 dan memasuki parlimen pada tahun 1959. Semasa dalam perkhidmatan awam kolonial, beliau telah mengetahui tentang keadaan hidup yang buruk dan kemiskinan ramai rakyat-rakyat Singapura. Beliau menjadi menteri kewangan pada tahun 1959. Ini merupakan satu wadah yang sesuai untuk bermula membetulkan keadaan-keadaan ini. Goh merangka Rancangan Pembangunan Negeri di mana dia telah menyediakan sebuah pelan tindakan jangka panjang untuk pembangunan ekonomi Singapura.

Goh meninggalkan kesannya pada hampir setiap aspek dasar awam selama 25 tahun yang bermula dari pertengahan tahun 1959 setelah berkhidmat sebagai menteri kewangan, pertahanan, pendidikan dan sebagai timbalan perdana menteri. Lee Kuan Yew telah berkata bahawa di antara semua rakan-rakan Kabinet sekerjanya, Goh Keng Swee telah membuat perbezaan terbesar kepada kesudahan Singapura.

William Tan Wee Liam 陈威廉
Singapura 1928–2009 Singapura

Perintis seni persembahan

William Tan Wee Liam adalah seorang pelakon, pengarang pementasan, pengarah dan penerbit Peranakan perintis. Beliau terkenal dengan wataknya dalam *Wayang Peranakan* pada tahun 1950-an dan 1960-an dan seringkali memainkan peranan-peranan wanita. Beliau berlakon dalam beberapa rancangan yang terkenal, termasuk *Satu Darah*, *Janda Kaya*, *Tidak Berdosa* dan *Air Mata Ibu*.

Tan adalah pakar dondang sayang, seni lisan Melayu tradisional yang bermula daripada pantun dan menggunakan alat-alat muzik Melayu dan Barat. Beliau dilatih oleh Gwee Peng Kwee dalam seni nyanyian pantun dan menjadi begitu bagus sehingga beliau boleh berpantun secara spontan. Beliau adalah seorang ahli terkemuka Persatuan Gunong Sayang (Gunong Sayang Association) iaitu sekumpulan Peranakan yang khusus untuk pemeliharaan dondang sayang. Ditubuhkan pada tahun 1910 dan masih aktif hingga ke hari ini, kumpulan ini pada asalnya adalah sebuah kelab sosial hanya untuk kaum lelaki tetapi telah mula menerima wanita pada akhir 1980-an.

Goh Soon Tioe 吴顺畴
Padang, Sumatra 1911–1982 Singapura

Maestro

Goh Soon Tioe adalah perintis muzik klasik Singapura. Beliau datang ke Singapura pada usia 13 tahun. Beliau hanya mula belajar bermain biola pada usia 15 tahun tetapi menunjukkan bakat yang besar. Pada tahun 1932 beliau berlepas ke Switzerland untuk menyertai Conservatoire de Musique de Genève. Goh juga dilatih di bawah Alfred Marchot di Royal Academy of Music di Brussel.

Pada tahun 1954, beliau mengasaskan Goh Soon Tioe String Orchestra. Pada tahun 1950-an dan 1960-an beliau mempromosikan konsert-konsert yang membawa pemuzik-pemuzik antarabangsa yang terkenal untuk membuat persembahan di Singapura. Beliau telah mengajar ramai daripada bakat-bakat muzik Singapura yang termasuk pemain biola Lynnette Seah dan Lee Hon Pan, pemain piano Seow Yit Kin dan Melvyn Tan dan konduktor Choo Hoey. Goh telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Terpuji (Meritorious Service Medal) pada tahun 1963 sebagai pengiktirafan sumbangan cemerlang beliau kepada arena muzik Singapura.

Lee Kuan Yew 李光耀
Singapura 1923–2015 Singapura

Perdana menteri pertama

Lee Kuan Yew adalah anak lelaki sulung kepada Lee Chin Koon dan Chua Jim Neo. Datuk sebelah ibunya, Chua Kim Teng adalah seorang Peranakan Hokkien. Lee menghadiri Institusi Raffles (RI) dan menuntut dalam bidang undang-undang di Cambridge. Di London beliau terlibat dalam Forum Malaya dan penglibatan politik yang semakin meningkat ini menyebabkan beliau dan Goh Keng Swee disenaraikan dalam senarai pantau Cawangan Khas.

Sekembalinya mereka ke Singapura, Lee dan isterinya Kwa Geok Choo menyertai firma guaman Laycock dan Ong sebelum memulakan syarikat mereka sendiri, Lee and Lee. Beliau mengambil beberapa kes kesatuan buruh yang berprofil tinggi dan menjadi penasihat undang-undang kepada kesatuan-kesatuan, persatuan-persatuan puak dan pelajar-pelajar. Ini memberikannya akses kepada orang-orang Cina kelas pekerja. Lee menyertai Persatuan British Cina Selat dengan harapan untuk melancarkan sebuah parti politik daripadanya. Apabila ini gagal, Lee mengetuai pembentukan Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada tahun 1954 dan menjadi setiausaha agungnya yang pertama.

Beliau memenangi kawasan undi Tanjong Pagar pada pilihan raya Dewan Undangan pada tahun 1955. Pada tahun 1959, PAP meraih kemenangan yang menakjubkan iaitu 43 daripada 51 kerusi dan Lee menjadi perdana menteri Singapura yang pertama. Jawatan ini dipegang beliau sehingga tahun 1990.

Lee berjuang untuk penyatuan dengan Malaya pada tahun 1961, satu inisiatif yang memecah-belahkan partinya dan ini membawa kepada pembentukan Barisan Sosialis. Apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, beliau menjadi salah satu daripada 15 wakil Singapura di parlimen Malaysia yang baru. Hubungan antara kedua-dua pihak merosot dengan pantas. Ketegangan masyarakat dan pertelingkahan politik hanya terhenti apabila Singapura berpisah daripada Malaysia pada tahun 1965.

Lee tidak pernah mengisytiharkan dirinya sebagai Peranakan secara terbuka, kerana keprihatinan utama beliau adalah untuk memupuk sebuah semangat identiti yang kolektif untuk negara ini yang boleh mengatasi pembahagian etnik. Namun, isterinya berkata: "Kuan Yew dan saya kedua-duanya datang daripada keluarga Peranakan, tidak bertutur bahasa Cina, mahupun dialek."